

25/05/2002

Giant sokong saranan kerjasama kedai runcit

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pasar raya besar, Giant, menyokong saranan kerajaan supaya bekerjasama dengan perniagaan kedai runcit supaya kedua-dua pihak memperoleh faedah bersama.

Malah, Pegawai Pentadbiran dan Personel Giant cawangan Bangsar, Helmi Ahmad, berkata pihaknya kini menjual 70 peratus barangan tempatan di semua cawangannya.

"Hanya 30 peratus barangan import dijual di cawangan kami dan kedua-dua barangan yang dipamerkan tidak mempunyai rak khas dan semuanya dipamerkan di tempat yang sama.

"Kami tidak mahu dipandang serong oleh pengguna hanya kerana memberi kelebihan terhadap barangan import.

"Justeru, produk tempatan sentiasa diberi keutamaan," katanya ketika ditemui selepas Majlis `Giant Gino Go To School' di Sekolah Rendah Bukit Bandaraya, Bangsar Baru di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Giant menyampaikan sumbangan kepada kira-kira 1,500 pelajar sekolah berkenaan. Majlis itu turut ditaja beberapa syarikat, termasuk Nestle Products Sdn Bhd, Mandom (Malaysia) Sdn Bhd, Danone Marketing Sdn Bhd dan Cadbury.

Helmi berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bahawa kerajaan mahu perniagaan peruncitan pasar raya besar yang kebanyakannya milik syarikat asing, membuka peluang kepada peniaga tempatan dengan membeli serta memasarkan produk keluaran industri kecil dan sederhana (IKS).

Timbalan Perdana Menteri berkata, pengusaha pasar raya besar perlu membantu peniaga Bumiputera melalui pemberian francais rangkaian kedai runcit supaya kehadiran syarikat gergasi itu tidak menjejaskan perniagaan mereka.

"Kabinet yang membincangkan isu kehadiran pasar raya besar sehingga menjejaskan perniagaan kedai runcit di negara ini berpendapat satu bentuk kerjasama yang menguntungkan kedua-dua pihak perlu diwujudkan bagi faedah bersama," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini turut berkata, kewujudan pasar raya besar seperti Giant, Makro, Carrefour dan Tesco yang menawarkan harga barangan lebih murah boleh mematikan perniagaan tempatan dan kerajaan terpaksa mengawal perkembangannya.

(END)